

NOTIS DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (Pindaan 2024)

1. Pengenalan

Notis ini dikeluarkan oleh OasisEye Specialists Sdn. Bhd. ("OasisEye", "kami") selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan pindaan tahun 2024. Ia menjelaskan bagaimana data peribadi anda diproses oleh kami dalam konteks perkhidmatan kesihatan kami.

2. Persetujuan

Dengan berinteraksi bersama kami atau memberikan data peribadi anda, anda dianggap telah memberikan persetujuan terhadap pemprosesan data sebagaimana yang dinyatakan dalam notis ini.

Pemberian data peribadi kepada OasisEye adalah **wajib** dalam situasi berikut:

- Untuk tujuan diagnosis perubatan, rawatan, dan susulan penjagaan
- Bagi pematuhan kepada keperluan peraturan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan LHDN (e-Invois)
- Proses tuntutan insurans dan bil perubatan
- Respons kecemasan dan keselamatan pesakit

Sekiranya data wajib ini tidak diberikan, ia boleh mengakibatkan:

- Ketidakmampuan untuk menjalankan konsultasi atau rawatan perubatan
- Penangguhan atau penolakan tuntutan insurans
- Akses terhad ke fasiliti atau perkhidmatan klinik

Bagi data yang bersifat pilihan seperti tujuan pemasaran, anda bebas untuk tidak memberikannya tanpa menjelaskan akses kepada perkhidmatan perubatan.

3. Jenis Data Peribadi yang Dikumpul

Bergantung kepada hubungan anda dengan kami, data peribadi berikut mungkin dikumpulkan:

- Nama, Nombor Kad Pengenalan / Pasport, Jantina, Tarikh Lahir
- Alamat, Nombor Telefon, E-mel
- Rekod perubatan, sejarah rawatan, alahan, ubat-ubatan
- Data biometrik (jika berkaitan), gambar, rakaman CCTV
- Butiran insurans & pembayaran
- Maklumat waris dan orang untuk dihubungi semasa kecemasan
- Latar belakang pekerjaan (untuk vendor/pembekal)
- Borang persetujuan bagi rawatan atau penyertaan dalam kajian

4. Tujuan Pemprosesan Data

Data peribadi anda diproses bagi tujuan berikut:

- Penyediaan perundingan, diagnosis, rawatan, susulan perubatan
- Pendaftaran pesakit, bil, tuntutan insurans, penyimpanan rekod
- Pengesahan identiti pesakit
- Pematuhan kepada keperluan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) – (e-Invois)
- Pengurusan situasi kecemasan kesihatan
- Komunikasi dan respons kepada aduan pelanggan
- Keselamatan sistem dan premis (termasuk pengesahan ID pelawat)
- Latihan dalaman dan audit kualiti perkhidmatan
- Tujuan pemasaran (jika bersetuju secara berasingan)

5. Asas Perundangan bagi Pemprosesan Data

Kami memproses data peribadi anda berdasarkan satu atau lebih asas perundangan berikut:

- Persetujuan
 - Apabila anda menyerahkan borang pertanyaan atau membuat pendaftaran untuk janji temu.
- Keperluan Kontrak
 - Apabila pemprosesan diperlukan untuk melaksanakan perkhidmatan yang anda minta.
- Kewajipan Undang-Undang
 - Bagi mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa (Arahan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), pematuhan e-Invois Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)).
- Kepentingan Sah
 - Untuk tujuan keselamatan laman web, pencegahan penipuan, atau penambahbaikan pengalaman pengguna, selagi kepentingan anda tidak terjejas.

6. Penzahiran kepada Pihak Ketiga

Kami mungkin berkongsi data interaksi atau data peribadi sensitif dari segi sembang permesejan (Contoh, perbualan WhatsApp / Facebook Messenger) dengan rakan pengiklanan yang dibenarkan (contohnya Meta) bagi tujuan penambahbaikan perkhidmatan dan penglibatan pengguna.

Pendedahan ini adalah tertakluk kepada pematuhan dasar pengendalian data pihak ketiga OasisEye dan tidak akan melibatkan sebarang maklumat perubatan melainkan dengan persetujuan nyata daripada individu berkenaan.

- Agensi kerajaan (KKM, LHDN)
- Syarikat insurans dan rakan kesihatan berlesen
- Makmal (seperti Pathlab, Gribbles) yang menguruskan sampel fizikal
- Penyedia sistem IT, storan awan, pasukan keselamatan siber
- Pihak berkuasa undang-undang dan penguatkuasaan
- Waris atau individu yang anda namakan untuk kecemasan

Vendor makmal fizikal diwajibkan mematuhi polisi pengendalian data fizikal OasisEye termasuk *Pemakaian tag ID rasmi dengan nama penuh* dan *Nombor Kad Pengenalan* berserta gambar, dan kebenaran bagi imbasan kad pengenalan untuk tujuan rekod dan keselamatan.

7. Hak Anda

Di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024, anda berhak untuk:

- Mengakses dan membetulkan data peribadi anda
- Menarik balik atau mengehadkan persetujuan (tertakluk kepada keperluan undang-undang / perubatan)
- Membantah penggunaan data untuk pemasaran
- Membuat aduan kepada Pegawai Perlindungan Data (DPO) kami



OasisEye Specialists Sdn. Bhd.
201801015763 (1277779-K)

DPO Office
Unit 1-3, No. 1, Nexus @ Bangsar South
Jalan Kerinchi, 59200
Kuala Lumpur, Malaysia

D: +60 (3) 2730 7690
T: +60 (3) 2730 7676
E: oes-dpo@oasiseye.my
W: <https://www.oasiseye.my>

() Confidential – Strictly Private & Confidential
() Restricted – Limitations on Access & Distribution
() Proprietary / Internal Use
() Public

8. Langkah Keselamatan

Kami melaksanakan kawalan keselamatan seperti:

- Akses mengikut peranan (Role-Based Access Control)
- Penyulitan data semasa penghantaran dan semasa disimpan
- Log audit dan pemantauan kebocoran data
- Prosedur pengendalian fizikal untuk vendor yang membawa dokumen atau sampel
- Latihan berkala kepada staf tentang kebersihan siber dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan pindaan 2024

9. Tempoh Penyimpanan Data

Data akan disimpan selagi diperlukan untuk tujuan perubatan, undang-undang atau pengawalseliaan.

10. Pemindahan Data ke Luar Negara

Sekiranya perlu, data anda akan dipindahkan ke luar negara dengan perlindungan sewajarnya, sejajar dengan peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan pindaan 2024.

11. Konflik

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Malaysia dan versi Bahasa Inggeris notis ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.



12. Pindaan

Notis ini mungkin dikemaskini dan dipinda dari semasa ke semasa untuk mematuhi perubahan undang-undang, garis panduan pengawalseliaan, atau keperluan operasi kami. Sebarang pindaan akan dimaklumkan melalui notis di laman web rasmi kami, e-mel dalaman, atau saluran komunikasi lain yang sesuai. Dengan terus berurusan dengan kami selepas pindaan tersebut, anda dianggap telah bersetuju dengan Notis ini yang telah dikemaskini.

13. Maklumat Perhubungan DPO

Sebarang pertanyaan berkaitan data anda boleh dikemukakan kepada:

Eugene Teow | Group Data Protection Officer

OasisEye Specialists Sdn. Bhd.

E-mel: oes-dpo@oasiseye.my

No. Tel.: [+60 3 2730 7690](tel:+60327307690)